

SAM gesa kerajaan DAP atasi masalah

Georgetown: Kerajaan DAP Pulau Pinang digesa mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah banjir kilat yang melanda kawasan Bayan Baru setiap kali hujan lebat.

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), SM Mohamed Idris, berkata kejadian banjir kilat yang berulang semalam, menyebabkan ribuan penduduk dan pengguna jalan raya panik kerana ia membawa air berlumpur.

Katanya, kerajaan negeri sepatutnya menghentikan semua projek pembangunan di kawasan berkenaan bagi memberi laluan kepada jabatan dan agensi berkaitan membuat kajian terhadap masalah berkenaan.

Kegagalan sistem saliran

“Selain pembangunan yang tidak terkawal dan kegagalan sistem saliran, SAM juga mengesan aktiviti penerokaan bukit yang menjadi antara punca banjir kilat dan

lumpur kerap berlaku di Bayan Baru.

“Sampai bila perkara ini harus dihadapi penduduk dan pengguna jalan raya? Setiap kali hujan lebat, air lumpur pasti menerjah dan melimpahi Bayan Baru dan perkara ini dilihat semakin tidak terkawal pada musim tengkujuh,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Aliran trafik sesak

Sementara itu, hujan lebat dan angin kencang sejak jam 6 pagi semalam, mengakibatkan beberapa kawasan di Bayan Baru, Teluk Kumbar, Batu Maung dan kawasan perindustrian di Bayan Lepas dinaiki air antara 0.3 hingga 0.7 meter.

Pegawai Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Barat Daya, Noor Mohd Saidi Noor Lajis, berkata banjir kilat yang melanda menyebabkan aliran trafik di kawasan berkenaan mengalami kesesakan teruk.



[FOTO IHSAN PEMBACA]

Keadaan depan Hotel Seri Malaysia Jalan Mayang Pasir 2, Bayan Baru yang dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat awal pagi semalam.